

Penghujung Kalimah Keempat Belas

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

إِذَا زُلْزِلَتِ الْأَرْضُ زُلْزَالَهَا (1) وَأَخْرَجَتِ الْأَرْضُ أَثْقَالَهَا (2) وَقَالَ الْإِنْسَانُ
مَا لَهَا (3) يَوْمَئِذٍ تُحَدِّثُ أَخْبَارَهَا (4) يَا نَبِيَّ رَبِّكَ أَوْحَىٰ لَهَا (5)

“”

Maksudnya: “Apabila bumi digegarkan dengan gegaran yang sedahsyat-dahsyatnya, Serta bumi itu mengeluarkan segala isinya. Dan berkatalah manusia (dengan perasaan gerun): “Apa yang sudah terjadi kepada bumi?” Pada hari itu bumipun menceritakan khabar beritanya: Bahawa Tuhanmu telah memerintahnya (berlaku demikian).”

Surah yang mulia ini menerangkan dengan keterangan yang pasti bahawa segala gerakan, gempa dan gegaran-gegaran kecil yang kadang-kadang berlaku pada bumi ini adalah berlaku di bawah arahan dan wahyu Allah s.w.t.

Dengan bantuan kesedaran maknawi, terlintas dalam hati saya beberapa jawapan kepada beberapa persoalan yang timbul sekitar kejadian gempa bumi yang berlaku baru-baru ini. Meskipun beberapa kali saya berazam untuk menulis jawapan-jawapan tersebut secara terperinci, namun saya masih tidak berpeluang melakukannya. Oleh itu, jawapan-jawapan tersebut hanya akan ditulis secara ringkas sahaja.

Soalan Pertama

Gempa bumi yang besar ini telah menyebabkan manusia ditimpa musibah maknawi yang lebih hebat daripada musibah fizikalnya yang juga menyakitkan. Musibah maknawi itu terdiri daripada perasaan takut, gerun dan putus asa yang menguasai jiwa manusia, kerana keadaan tersebut berterusan dan bertahan sehingga ia merampas masa kerehatan kebanyakan manusia pada waktu malam. Kebimbangan dan kacau bilau telah berlaku di hampir semua kawasan di seluruh negara.. Pada pendapat anda, apakah punca azab yang pedih ini dan apakah sebabnya?

Dengan bantuan kesedaran maknawi, jawapannya adalah seperti berikut:

Di seluruh pelusuk negara ini yang merupakan pusat yang baik bagi Islam, telah tersebar pelbagai jenis kebiadapan dan pesta-pesta liar siang dan malam. Bahkan ia terus berlaku pada bulan yang mulia seperti bulan Ramadhan ketika didirikan sembahyang tarawih. Orang ramai menikmati lagu-lagu yang menggiurkan yang didendangkan oleh penyanyi-penyanyi wanita kadang-kadang melalui radio dan alat-alat yang lain. Itulah yang menyebabkan manusia layak mendapat azab ketakutan dan kegerunan tersebut.

Soalan Kedua

Kenapakah azab dan pengajaran Allah ini tidak turun di negara-negara kafir dan atheis, tetapi sebaliknya ia diturunkan kepada orang-orang Islam yang miskin lagi lemah itu?

Jawapan: Mana-mana jenayah besar akan ditangguh dan dilakukan perbicaraannya di mahkamah-mahkamah jenayah peringkat tinggi, maka hukuman kesalahan-kesalahan tersebut biasanya lambat diputuskan. Tetapi jenayah-jenayah dan kesalahan-kesalahan kecil pula boleh diselesaikan oleh pihak-pihak berkuasa pada peringkat yang lebih rendah. Maka begitu juga dengan sebahagian besar daripada hukuman orang-orang yang kafir dan jenayah-jenayah kekufuran dan keingkaran mereka ditangguhkan kepada mahkamah agung ketika berlaku penghimpunan terbesar di padang mahsyar. Sedangkan balasan dan hukuman terhadap sebahagian daripada kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang beriman dihukum segera di atas dunia ini. Ini berlaku semata-mata dengan kehendak hikmat rabbani yang amat penting.¹

Soalan Ketiga

Kenapakah musibah ini menimpa seluruh negara, sedangkan musibah yang berlaku adalah hasil daripada kesalahan yang hanya dilakukan oleh sebilangan manusia sahaja?

Jawapan: Kebanyakan manusia turut serta bekerjasama membantu golongan zalim yang sedikit itu, sama ada dengan kerjasama secara langsung atau mereka termasuk di dalam barisan orang-orang yang zalim dengan mengikut mereka dan berpegang dengan arahan mereka. Maksudnya mereka sebenarnya bersama-sama dengan golongan zalim ini pada hakikatnya. Situasi ini menyebabkan musibah yang turun berbentuk umum, kerana sesuatu musibah akan menimpa secara umum dengan sebab maksiat yang dilakukan oleh golongan majoriti dalam sesuatu masyarakat.

Soalan Keempat

Jika musibah gempa bumi ini berlaku hasil daripada kesalahan dan kefasadan yang dilakukan, dan ia berlaku bagi menghapuskan dosa, maka kenapakah ia turut menimpa orang-orang yang tidak bersalah, bahkan mereka turut terbakar dengan lautan apinya sedangkan mereka tidak pun mendekati sebarang kesalahan dan dosa? Bagaimanakah keadilan rabbani membenarkan ini berlaku?

Demikian juga, dengan bantuan kesedaran maknawi, jawapannya adalah seperti berikut:

Masalah ini berkait dengan rahsia kekuasaan ilahi. Oleh itu, kami merujuk masalah ini kepada Risalah al-Qadr. Tetapi di sini kita hanya berpada dengan menyebutkan sebagaimana berikut:

Allah s.w.t. berfirman (al-Anfal: 25):

وَأَنفُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً

¹Begitulah yang berlaku apabila orang-orang Rusia dan seumpama mereka meninggalkan suatu agama yang diselewengkan dan telah dinasakahkan kerana ia tidak menyentuh kemurkaan Allah. Tetapi maruah Allah tercalar apabila ia menyentuh penghinaan terhadap agama Allah yang benar, kekal dan tidak menerima pemansukhan. Oleh itu, bumi menangguhkan pembalasan kepada golongan pertama, tetapi menyegerakannya kepada golongan kedua. (Pengarang)

Maksudnya: “Dan jagalah diri kamu daripada (berlakunya) dosa (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim di antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu secara umum).”

Sesungguhnya dunia ini adalah tempat cubaan, dugaan, *mujahadah* (perjuangan) dan taklif. Cubaan dan taklif menuntut agar segala hakikat-hakikat ghaib itu sentiasa tertutup dan tersembunyi, agar sentiasa berlaku pertandingan dan persaingan. Maka kedudukan orang yang benar-benar melakukan *mujahadah* meningkat hingga ke tingkat yang paling tinggi sehingga dapat bersama-sama dengan Abu Bakr al-Siddiq, begitu juga dengan orang-orang yang berdusta maka kedudukan mereka akan terjunam ke tingkat yang paling bawah sehingga mereka akan bersama dengan Musailamah al-Kazzab.

Jika orang-orang yang tidak berdosa terlepas daripada musibah dan mereka sedikitpun tidak disentuh oleh sebarang keburukan dan kesakitan, nescaya keimanan akan menjadi suatu yang *badihi* (tidak perlu difikirkan lagi), kerana orang kafir dan beriman akan berserah diri bersama-sama. Taklif tidak memberikan apa-apa makna dan pintunya akan tertutup. Tidak ada lagi keperluan untuk meningkat ke martabat iman yang lebih tinggi.

Jika musibah menimpa kedua-dua golongan sama ada golongan yang melakukan kezaliman dan golongan yang dizalimi berdasarkan hikmat ilahi, maka apakah keadilan ilahi dan rahmat Allah yang luas yang didapati oleh orang-orang yang dizalimi sebalik musibah ini?

Jawapan: Terdapat penjelmaan rahmat Allah di celah-celah kemurkaan dan bala yang menimpa, kerana harta benda yang musnah dalam musibah itu akan dikekalkan untuk mereka di akhirat, dan disimpan sebagai sedekah untuk mereka. Manakala kehidupan mereka yang hilang akan bertukar kepada kehidupan berkekalan bahkan mungkin kematian mereka adalah sebagai mati syahid. Maksudnya, musibah dan bala yang menimpa orang-orang yang tidak berdosa itu adalah sebahagian daripada rahmat ilahi yang terdapat di celah azab pedih yang sementara. Mereka sebenarnya dikurniakan keuntungan yang berkekalan dan besar hanya dengan kesulitan dan azab yang sementara dan sedikit sahaja pada kadarnya.

Soalan Kelima

Sesungguhnya Allah s.w.t. yang maha adil lagi maha mengasihani, yang maha berkuasa lagi maha bijaksana, tidak akan membalas dosa yang dilakukan oleh golongan tertentu dengan hukuman untuk golongan itu sahaja, tetapi Dia mempergunakan satu elemen berjirim seperti bumi untuk mendidik dan menghukum. Maka adakah keadaan ini bersesuaian dengan kesyumulan qudratNya dan keindahan rahmatNya?

Jawapan: Sesungguhnya Allah yang maha berkuasa lagi maha mulia telah memberikan tugas yang banyak kepada setiap elemen dan Dia mengeluarkan natijah yang banyak bagi setiap tugas tersebut. Jika lahir satu sahaja natijah buruk seperti keburukan, musibah atau bala daripada salah satu elemen tersebut pada salah satu tugasnya yang banyak itu, maka seluruh natijah yang terhasil daripada elemen yang buruk tersebut menjadi seperti natijah yang baik dan indah, kerana ia adalah indah dan

baik, kerana jika elemen yang murka kepada manusia itu dihalang daripada melaksanakan tugas tersebut iaitu mendatangkan suatu keburukan kepada manusia, nescaya banyak kebaikan lain yang berjumlah sebilangan natijah-natijah baik yang terhasil daripada seluruh tugas elemen tersebut juga akan terhalang. Maksudnya akan berlaku banyak keburukan sebanyak bilangan natijah-natijah yang sepatutnya terhasil daripada berlaku satu keburukan tersebut. Ini kerana jika sesuatu kebaikan yang diperlukan tidak dapat berlaku, maka ia akan mengakibatkan keburukan sebagaimana termaklum. Ini jika hanya satu sahaja keburukan terhalang daripada berlaku! Sudah pasti ia bertentangan dengan hikmat kebijaksanaan, bahkan ia adalah keburukan yang jelas, pelarian daripada hakikat kebenaran dan kekurangan yang menjelekan. Sedangkan hikmat kebijaksanaan, qudrat dan hakikat kebenaran adalah suci daripada segala kekurangan dan kepincangan.

Sebahagian kerosakan yang dilakukan adalah berbentuk penderhakaan menyeluruh dan pelanggaran secara terang-terangan terhadap banyak hak makhluk lain, penghinaan dan cemuhan terhadapnya, yang mengundang kemarahan dan kemurkaan semua elemen terutamanya bumi. Maka tidak syak lagi bahawa isyarat kepada elemen yang besar agar mengajar golongan penderhaka tersebut dengan menampilkan kejelekan penderhakaan mereka dan memperlihatkan betapa dahsyatnya jenayah mereka, adalah hikmat kebijaksanaan dan keadilan yang tidak dapat dinafikan. Dalam masa yang sama ia juga adalah rahmat bagi orang-orang yang dizalimi.

Soalan Keenam

Golongan alpa menghebahkan bahawa gempa bumi yang berlaku adalah hasil pertukaran, perpindahan dan pergerakan bahan-bahan galian di dalam perut bumi. Mereka melihat kepada gempa bumi sebagai satu kejadian yang berlaku tanpa sengaja atau secara kebetulan, atau natijah daripada kebetulan dan kejadian semulajadi. Mereka tidak melihat kepada sebab-sebab maknawi kepada kejadian ini dan natijah daripadanya. Mereka sepatutnya sedar daripada kealpaan dan kelalaian mereka serta bangun daripada tidur. Adakah pegangan mereka itu benar?

Jawapan: Tiada kebenaran pada pegangan mereka kecuali kesesatan semata-mata. Kita menyaksikan bahawa semua jenis hidupan di atas muka bumi ini yang ribuan jumlahnya itu bahkan melebihi lima puluh juta kesemuanya, mereka memakai pakaian masing-masing yang berhias indah dan nampak serasi dengan mereka. Pakaian-pakaian ini bertukar ganti setiap tahun. Bahkan sebelah sayap yang merupakan satu anggota daripada ratusan anggota lalat yang tidak terkira banyaknya itu, anggota ini pun (sayap) tidaklah berada dalam keadaan sia-sia dan tidak mempunyai apa-apa faedah, bahkan ia tetap disentuh oleh cahaya tujuan, iradat dan hikmat kebijaksanaan Allah s.w.t. Ini menunjukkan bahawa semua perbuatan dan peristiwa besar yang berlaku kepada bumi yang hebat ini, yang merupakan hamparan bagi sekalian makhluk yang tidak terkira banyaknya itu, juga tempat bernaung segala tamadun, tempat kembali dan tempat tinggal mereka, sudah pasti ia tidak terkeluar daripada batas sempadan iradat, pilihan dan tujuan ilahi. Bahkan tiada suatu pun yang berada di luar daripadanya, sama ada sedikit atau banyak.

Tetapi Allah yang maha berkuasa dengan kuasa yang mutlak telah menjadikan sebab yang zahir sebagai langsir yang melindungi tindakan-tindakan yang dilakukannya berdasarkan tuntutan hikmat kebijaksanaanNya yang juga mutlak. Ketika iradat dan

kehendakNya tertuju untuk mengadakan gempa bumi, maka kadang-kadang Dia mengeluarkan arahan kepada suatu jenis galian agar bergerak dan berpindah, lalu ia menyala dan membakarnya.

Andaikan bahawa gempa bumi itu memang natijah daripada berlakunya pergerakan dan perpindahan bahan-bahan galian di dalam perut bumi, namun perlu diingat bahawa ia tidak akan berlaku melainkan dengan arahan ilahi dan berdasarkan hikmatNya semata-mata.

Pasti suatu kebodohan dan kedunguan berlaku, dan pensia-siaan ketara bagi hak orang yang dibunuh terjadi, jika orang yang membunuh tidak diambil kira bahkan tidak dihiraukan, tetapi yang diambil peduli hanyalah belerang yang bernyala di dalam lontaran peluru senjata pembunuhnya. Begitu juga suatu kebodohan yang lebih parah berlaku jika kita tersembam ke lembah semulajadi dengan melupakan arahan ilahi yang memerintahkan agar dinyalakan bom yang terpendam di dalam perut bumi dengan hikmat dan iradatNya semata-mata. Bumi hanyalah hamba yang diperintah, kapal laut dan kapal terbang bagi Allah yang maha berkuasa lagi maha mulia. Allah memerintahkan bumi agar ia terbelah bagi menyedarkan golongan yang lalai dan sebagai peringatan bagi golongan yang melampau.

Pelengkap soalan keenam dan huraiannya

Sesungguhnya ahli kesesatan dan kekufuran telah memperlihatkan pemberontakan yang ganjil dan kebodohan yang menakjubkan hingga menjadikan seseorang manusia menyesali kemanusiaannya, kononnya demi menjaga perilaku mereka yang menyeleweng daripada terpengaruh kepada kesedaran keimanan. Sebagai contohnya:

Sesungguhnya penderhakaan yang zalim lagi gelap, yang dilakukan oleh manusia akhir-akhir ini, telah bertebaran dan merangkumi seluruh dunia sehingga menjadikan seluruh elemen bumi marah dan murka. Kejadian-kejadian tersebut juga menampilkan rububiyah Allah yang menciptakan langit dan bumi sebagai tuhan yang bersifat sebagai tuhan sekalian alam dan pemerintah seluruh dunia dalam bentuknya yang luas, bukan hanya bersifat dengan sifat rububiyah yang juz'ie (sebahagian) dan tertentu sahaja. Lalu Allah tuhan sekalian alam itu menampar manusia melalui bala bencana dan kegerunan umum seperti Perang Dunia, gempa bumi, banjir besar, angin yang kuat, petir yang menyambar dan angin taufan yang memusnahkan. Semua ini berlaku demi menyedarkan manusia yang sedang hanyut dalam kelalaiannya, dan bagi menginsafkan mereka agar keluar daripada sifat takbur dan melampaunya. Juga agar dia mengenali tuhanNya yang maha mulia, tuhan yang dia berpaling daripadanya. Allah s.w.t. memperlihatkan hikmat, qudrat, keadilan, kekuasaan, iradat dan pemerintahanNya dalam keadaan yang amat jelas dan nyata. Tetapi, meskipun apa yang berlaku, masih terdapat syaitan-syaitan yang degil, yang berada dalam bentuk manusia masih lagi mahu memberontak berhadapan dengan tanda-tanda rabbani yang menyeluruh itu dan pentarbiahan ilahi yang berbentuk umum kepada seluruh manusia. Mereka memberontak dengan penuh kebodohan yang menjengkelkan dengan berkata: Sesungguhnya ia berlaku berdasarkan faktor alam semulajadi. Ia berlaku kerana terdapat letupan beberapa bahan dan sebatian bahan galian. Ia berlaku secara kebetulan, tidak lain dan tidak bukan hanya kebetulan semata-mata. Kepanasan matahari telah bertembung dengan aliran elektrik lalu menyebabkan mesin-mesin di

Amerika terhenti selama lima jam. Langit pula menjadi merah di Qastamuni seolah-olah ia menyala! Dan lain-lain igauan yang langsung tidak masuk akal.

Kejahilan menggerunkan yang lahir daripada kesesatan, penderhakaan menjijikkan yang lahir daripada kekufuran telah menghalang mereka daripada memahami hakikat sebab-sebab yang berlaku bahawa ia sebenarnya hanyalah hijab dan tutupan yang menyembunyikan qudrat ilahi semata-mata.

Anda melihat salah seorang daripada mereka menampilkan sebab-sebab yang zahir dengan berkata: Pokok pine yang besar ini telah dilahirkan oleh biji benih yang kecil, dengan dia mengingkari mukjizat tuhan yang maha mulia yang telah membuatnya, sedangkan jika kewujudan pokok itu hanya diserahkan kepada sebab musabab sahaja, nescaya ratusan kilang tidak akan mampu membentuk pokok tersebut.

Maka dengan menampilkan sebab-sebab yang zahir seperti ini sahaja, sebenarnya ia adalah tindakan menghina kebesaran perbuatan rububiyah yang bersifat dengan kemuliaan yang dinaungi dengan hikmat kebijaksanaan dan pilihan.

Anda juga melihat ada di kalangan mereka yang memberikan nama yang ilmiah kepada satu hakikat penting yang akal manusia tidak dapat menanggapi hakikat sebenarnya. Seolah-olah hakikat tersebut telah diketahui dan dikenali serta menjadi biasa dan masyhur dengan semata-mata memberikan suatu nama ilmiah kepadanya, sedangkan nama tersebut tidak memberikan sebarang makna dan mengandungi sebarang hikmat kebijaksanaan!

Perhatikanlah kedunguan dan kebodohan yang tidak berpenghujung ini! Seolah-olah dengan memberikan nama tertentu kepada sesuatu hakikat menjadikannya dikenali dan masyhur! Sedangkan hakikat sebenar tidak dapat dimuatkan di dalam seratus halaman bagi menjelaskan hikmat ia berlaku dan bagaimana ia berlaku! Mereka berkata: Benda ini berlaku kerana ini. Kejadian ini pula berlaku daripada bahan matahari yang bertembung dengan tenaga elektrik... Adakah dengan hanya berkata demikian mereka telah menjadikan kejadian tersebut difahami dan diketahui dengan sebaiknya oleh manusia?

Bahkan sesetengah mereka memperlihatkan kejahilan yang lebih besar daripada kejahilan Abu Jahal, kerana dia menyandarkan kejadian yang dilakukan oleh tuhan dengan tujuan tertentu itu kepada salah satu undang-undang fitrah semulajadi, seolah-olah undang-undang itulah yang telah menjadikan kejadian tersebut! Dengan sandaran ini, dia telah memutuskan kejadian tersebut daripada iradat, *ikhtiyar* (pilihan) dan *hakimiyyah* (pemerintahan) Allah yang menyeluruh, mutlak dan terlaksana yang dimanifestasikan oleh sunnahNya yang berlaku di alam ini.. Kemudian anda melihat dia mengembalikan kejadian bencana tersebut kepada kebetulan dan semulajadi! Samalah dia dengan si bodoh dungu dan degil yang mengembalikan kemenangan yang dicapai oleh seseorang askar atau satu batalion di dalam peperangan kepada sistem ketenteraan dan undang-undang askar, dan memutuskannya daripada peranan ketua tentera, pemerintah negara dan semua perbuatan yang berlaku dengan tujuan tertentu.

Lihatlah kepada kebodohan mereka yang jelas terdedah melalui perumpamaan berikut:

Ketika seorang pembuat yang mahir berjaya membuat seratus aun pelbagai jenis makanan atau membuat seratus kaki pelbagai jenis pakaian daripada hanya secebis kayu yang saiznya tidak melebihi sepotong kuku, lalu salah seorang daripada mereka berkata bahawa perbuatan yang menakjubkan itu dilakukan oleh cebisan kayu yang kecil itu, bukankah dia telah melakukan satu kebodohan yang menakjubkan?! Dia samalah dengan seseorang yang menampilkan biji benih yang keras seraya mengingkari mukjizat tuhan yang maha membuat lagi maha bijaksana dalam menciptakan pokok tersebut. Bahkan dia telah merendahkan nilai mukjizat dengan menukarkannya kepada kebetulan yang buta atau faktor-faktor semulajadi!

Begitu juga di sini...

Soalan Ketujuh

Bagaimana boleh difahami bahawa kejadian bencana bumi ini hanya tertuju kepada orang-orang Islam yang berada di negara ini sahaja? Kenapa ia banyak berlaku di beberapa tempat di Izmir dan Arzinjan?

Jawapan: Terdapat banyak tanda yang menunjukkan bahawa kejadian ini tertuju kepada ahli iman, kerana ia berlaku pada kemuncak musim dingin, ketika kegelapan malam, ketika bersangatan sejuk, terutamanya di negeri-negeri yang tidak menghormati bulan Ramadan. Kejadian tersebut berterusan di sana kerana manusia tidak mengambil pengiktibaran dan pengajaran daripada apa yang berlaku. Ia juga berlaku bagi menyedarkan manusia yang lalai daripada keadaan tidur mereka.. Tanda-tanda yang lain juga menunjukkan bahawa kejadian ini adalah tertuju kepada ahli iman. Ia tertuju kepada mereka dan menggegarkan mereka untuk mendorong mereka mendirikan sembahyang, berdoa dan bertadarru' kepada Allah s.w.t.

Gempa yang lebih kuat berlaku di Arzinjan mungkin kerana sebab berikut:

Pertama: Sebagai menghapuskan kesalahan-kesalahan mereka yang kecil.

Kedua: Kemungkinan gempa bumi itu berlaku terlebih dahulu di kawasan tersebut kerana ia menjadi tempat golongan kafir zindiq membina pusat aktiviti mereka yang besar dengan mengambil peluang daripada kekurangan bilangan para pejuang Islam yang kuat dan pengawal iman yang jitu, atau kerana mereka wujud tetapi tidak dapat berbuat apa-apa.

Hanya Allah sahaja yang mengetahui segala perkara ghaib.

Maha suci Allah. Tiada ilmu bagi kami kecuali apa yang Engkau ajarkan kepada kami. Sesungguhnya Engkau adalah tuhan yang maha mengetahui lagi maha bijaksana.